

Pulau Pinang sebulat suara calonkan Mahathir, Abdullah

PULAU PINANG 25 Jan.— Keseluruhan UMNO bahagian di negeri ini sebulat suara bersetuju untuk mencalonkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden UMNO dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Seri Mohd. Shariff Omar berkata, sehubungan itu semua UMNO bahagian bersetuju dengan nasihat Majlis Tertinggi parti supaya kedua-dua jawatan berkenaan tidak dipertandingkan.

Keputusan itu dinyatakan oleh kesemua Ketua UMNO bahagian yang hadir pada mesyuarat Badan Perhubungan UMNO negeri di sini malam ini.

Selain UMNO bahagian, Pergerakan Pemuda dan Wanita negeri turut menyatakan sokongan yang serupa kepada Dr. Mahathir dan Abdullah.

“Mesyuarat malam ini dihadiri oleh semua ketua bahagian, Ketua Wanita dan Ketua Pemuda dan mereka menyatakan pendirian akan menyokong pencalonan Dr. Mahathir dan Abdullah bagi kedua-dua jawatan itu.

“Mereka juga bersetuju dengan nasihat dan pandangan MT agar tidak ada pertandingan bagi kedua-dua jawatan itu,” katanya

kepada para pemberita selepas mempengerusikan seketika mesyuarat Badan Perhubungan UMNO negeri bagi membolehkan mesyuarat membuat pendirian tersebut yang melibatkan Abdullah.

Sebelum itu, mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Abdullah selaku Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri.

Sementara itu Abdullah yang juga Naib Presiden yang kini menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden parti berkata, ahli-ahli UMNO yang belum dijatuhkan hukuman terhadap mana-mana kes yang dilaporkan, berhak menghadiri mesyuarat agung cawangan parti seperti biasa.

Menurut beliau, selagi hukuman belum dijatuhkan, mereka tetap dibenarkan menghadiri mesyuarat agung itu walaupun menghadapi tuduhan belot kepada parti pada pilihan raya umum lalu.

Menyentuh tentang laporan disiplin ahli-ahli UMNO Pulau Pinang khususnya di bahagian Permatang Pauh, Abdullah berkata bahagian tersebut ada mengemukakan beberapa laporan mengenai salah laku ahli yang perlu disampaikan ke ibu pejabat untuk diambil tindakan.

“Bahagian lain juga akan mengambil langkah yang sama iaitu jika ada kesalahan,” ujarnya.